



**NOORAZEATY MAULAD MOHD. KHALIF (kanan)**  
berbual mesra dengan pelanggannya ketika mempromosikan Delish Chocolate di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

## INFO

- Berniaga sejak umur 8 tahun
- Pengasas Delish Chocolate
- Miliki empat perniagaan
- Bermula dengan modal RM3,000
- Tanam impian hendak buka kilang

# Zeaty impi jadi job creator

Oleh NUR HANANI AZMAN  
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 JUN

**T**IDAK bersifat tipikal seperti kebanyakan siswazah, Noorazeaty Maulad Mohd. Khalif, pelajar tahun akhir Bachelor Sains Pembangunan Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) memasang impian untuk menjadi seorang *job creator*.

"Saya mahu menjadi usahawan sepenuh masa kerana ingin menjadi *job creator* berbanding *job seeker*. Saya mengimpikan untuk membuka kilang pada satu hari bagi menyediakan pekerjaan bukan sahaja kepada mereka berpendidikan tinggi malah kepada masyarakat dan komuniti kita."

"Ini kerana saya mahukan rakyat Malaysia menyaksikan pertumbuhan secara baik, saya harap mampu galas dan mencapai impian ini supaya boleh membantu lebih ramai orang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Noorazeaty, 25, atau lebih senang dipanggil Zeaty ketika ini sedang menjalani latihan industri dan mula berniaga sejak berumur lapan tahun hasil didikan ibu beliau.

Apa yang lebih menarik gadis muda ini pernah menjadi kolumnis dalam ruangan *Bisnes Utusan Malaysia* menerusi kolumn *Graduan Usahawan*.

Beliau yang merupakan pengasas kepada Delish Chocolate Enterprise turut mempelbagaikan produk kepada perniagaan donat, pelancongan berkonsep *back packer* dan pencetakan.

Bermula dengan modal RM3,000, inspirasi untuk menceburti perniagaan produk coklat berhasil apabila Zeaty terfikir mengapa tiada coklat yang betul-betul kena dengan cita rasa beliau.

Biarpun sudah mampu memperoleh pendapatan lumayan

## UTUSAN PKS

sejak membabitkan diri dalam bidang perniagaan, pelajar Fakulti Ekologi Manusia itu bagaimanapun tidak leka dan berpendapat pelajaran tetap perlu diutamakan.

"Kalau ada peluang melanjutkan pelajaran, ambil peluang itu. Jangan fikir tentang duit sahaja kerana ilmu yang ditimba ada nilai tersendiri.

"Apatah lagi dalam dunia serba kompetitif termasuk dalam bidang perniagaan, ilmu membantu menambah keyakinan pelanggan kepada kita," tambahnya lagi.

Ditanya mengenai resipi kejayaan, beliau menyarankan supaya mereka yang berminat menceburti keusahawanan supaya yakin dan percaya pada diri sendiri.

"Apabila anda sudah melabur dalam satu perniagaan, ikut perancangan dengan fokus dan konsisten, insyaAllah anda boleh mencapai kejayaan," katanya.



**ZEATY** menunjukkan produk coklat yang dijual kepada pelanggan.